


**Bahagian A**

**(50 markah)**

Jawab mana-mana **LIMA** soalan dalam bahagian ini.

- 1 a) Nyatakan empat kepentingan keuntungan kepada Syarikat A&S Berhad, sebuah syarikat pengeluaran makanan kesihatan. [4 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan pemilikan perniagaan.



Nyatakan 2 sebab mengapa pemilik mengambil keputusan sedemikian. [2 markah]

- c) Terangkan kelebihan dan kelemahan usaha sama. [4 markah]

- 2 a) Logo 1 menunjukkan Majlis Perbandaran Kangar.



Logo 1


Jelaskan peranan agensi tersebut [6 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan objektif perniagaan Syarikat Fantasi Sdn. Bhd.

- Menetapkan sasaran pengeluaran komputer sebanyak 100 000 unit pada tahun 2019 bagi memenuhi permintaan seluruh Malaysia.
- Peningkatan keuntungan setiap tahun sebanyak 15%.

Terangkan ciri objektif perniagaan tersebut. [4 markah]

- 3 a) Terangkan dua faktor yang tidak dapat dikawal oleh sesebuah organisasi perniagaan. Faktor ini boleh memberikan peluang dan ancaman kepada sesebuah perniagaan. [4 markah]
- b) Rajah 1 di bawah merupakan proses komunikasi yang berlaku dalam sesebuah organisasi perniagaan.



Rajah 1

Nyatakan X,Y dan Z. [3 markah]

- c) Maklumat berikut berkaitan dengan bahagian fungsian perniagaan.

Kilang Kicap Abe Ku telah menerima aduan dari pelanggannya berkaitan masalah kehabisan stok. Ini disebabkan oleh kelewatan penerimaan stok daripada kilang tersebut.

Jelaskan bahagian fungsian yang bertindak menguruskan proses ini. [3 markah]

- 4 a) Maklumat berikut berkaitan syarikat pembinaan, Berjaya Trading.

Berjaya Trading telah memperkenalkan program “Anugerah Pasukan Terbaik” pada tahun 2021 dan mengumumkan bonus khas setiap tahun kepada pekerja-pekerja yang telah mencapai tahap kecemerlangan yang ditetapkan oleh syarikat.

Berdasarkan maklumat di atas, terangkan dua peranan pengurusan sumber manusia oleh Berjaya Trading dalam pembangunan perniagaan yang mampan. [4 markah]

- b) Gambar 1 menunjukkan jenis sumber teknologi.



Gambar 1

- i) Jelaskan jenis sumber teknologi tersebut [2 markah]
- ii) Terangkan prosedur mengurus sumber teknologi di atas. [4 markah]

- 5 a) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pembiayaan luaran.

Cik Azura bercadang untuk memulakan perniagaan butik pengantin. Beliau memerlukan modal permulaan sebanyak RM50 000 dengan kadar segera. Beliau berhasrat menjelaskan pinjaman dalam tempoh 7 bulan dan mahu menjadikan rumah pusaknya sebagai cagaran yang diaggarkan bernilai lebih daripada RM125 000.

Jelaskan **satu** sumber pembiayaan luaran yang paling sesuai digunakan oleh Cik Azura. [4 markah]

- b) Nyatakan **empat** dokumen yang diperlukan semasa membuat permohonan daripada bank dan institusi kewangan. [4 markah]
- c) Bagaimanakah analisis bagi kunci kira-kira membantu usahawan dalam menilai operasi kewangan perniagannya? [2 markah]

- 6 a) Terangkan dua bentuk perniagaan yang tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. [4 markah]

- b) Gambar 2 menunjukkan salah satu kaedah promosi.



Gambar 2

Huraikan kaedah promosi tersebut. [3 markah]

- c) Nyatakan tujuan Rancangan Perniagaan disediakan. [3 markah]

**Bahagian B****(30 markah)**Jawab mana-mana **DUA** soalan dalam bahagian ini.

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat pembuatan dan pengilangan.

Pedas Pedas Sdn. Bhd., pengeluar pelbagai jenis sos Cap Stadium telah ditubuhkan pada 2010. Berpusat di Kangar, Perlis, syarikat ini mempunyai 100 orang pekerja tetap. Kedudukan kewangan syarikat menunjukkan trend positif dengan kenaikan keuntungan setiap tahun. dengan mencatatkan jualan tahunan berjumlah RM 20 juta pada tahun 2020. Produk keluaran Pedas Pedas Sdn. Bhd. boleh didapati di seluruh Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Pihak lembaga pengurusan syarikat turut mengikuti trend terkini dalam usaha mengembangkan lagi perniagaannya mereka. Dalam mesyuarat agung tahunan mereka pada awal 2021, syarikat mengambil keputusan untuk menceburi perniagaan perkhidmatan penghantaran makanan memandangkan potensi perkhidmatan tersebut yang semakin mendapat tempat di kalangan rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, syarikat telah berjaya menjalinkan usaha sama dengan Food Monkey, sebuah syarikat penghantar makanan yang beroperasi di sekitar kawasan utara Semenanjung Malaysia.

- a) Jelaskan skala perniagaan Syarikat Pedas Pedas Sdn. Bhd. [3 markah]
- b) Jelaskan perkaitan antara saiz syarikat dengan bentuk pemilikan perniagaan. [6 markah]
- c) Bersetujukah anda dengan keputusan Syarikat Pedas Pedas Sdn. Bhd untuk menjalinkan usaha sama dengan Food Monkey? Kemukakan alasan anda. [6 markah]

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Hafiz Sufian, seorang usahawan.

Encik Hafiz Sufian merupakan seorang pengusaha makanan sejuk beku yang berasaskan produk karipap kentang. Dia menjual karipap kentang sejuk beku tersebut di kedainya. Segala urusan perniagaan diurus bersama seorang pekerja. Dia sentiasa menyertai latihan dan kursus yang dianjurkan oleh pelbagai agensi bagi memastikan perniagaannya dapat diurus dengan sistematik. Namun, permintaan karipap kentangnya kurang mendapat sambutan disebabkan strategi produk yang kurang berkesan. Oleh itu, dia terpaksa menjual pada harga yang murah. Hal ini menyebabkan keuntungan yang diperoleh rendah sehingga tidak dapat menampung kos operasi perniagaan.

- a) Jelaskan kelebihan Encik Hafiz Sufian sebagai usahawan kepada keluarga. [3 markah]
- b) Mengapakah Encik Hafiz Sufian menganggap latihan sangat penting kepada diri dan perniagaannya? [6 markah]
- c) Terangkan strategi produk dan strategi harga yang perlu dilakukan oleh Encik Hafiz Sufian untuk meningkatkan jualan. [6 markah]

- 9 a) Puan Nirmala merupakan pemilik Syarikat Mala sementara Encik Kong pula adalah pemilik Syarikat Kongsi Sdn Bhd. Berikut adalah maklumat berkaitan dengan Syarikat Mala dan Syarikat Kong.

Butir	Syarikat Mala (RM)	Syarikat Kong (RM)
Jumlah jualan	240 000	250 000
Kos jualan	140 000	130 000
Untung kasar	100 000	120 000
Modal	176 000	200 000
Premis perniagaan	200 000	320 000
Untung bersih	48 000	47 000

- i) Hitung margin untung bersih Syarikat Mala dan Syarikat Kong. [5 markah]
- ii) Perniagaan manakah yang menunjukkan prestasi perniagaan yang lebih baik. Huraikan jawapan anda. [6 markah]
- b) Nyatakan dan jelaskan dua pihak berkepentingan yang memerlukan penyata kewangan perniagaan. [4 markah]

**Bahagian C****(20 markah)**Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini.

- 10** Syarikat Perhiasan Gemerlap Sdn Bhd merupakan syarikat yang menghasilkan perhiasan wanita berasaskan batu jed. Syarikat ini beroperasi di Kawasan Perindustrian Kajang, Selangor. Mulai tahun 2019 pihak syarikat telah memperkenalkan produk baharu iaitu gelang kesihatan yang berkonsepkan 'gaya, anggun dan sihat'. Gelang tersebut dijual dengan harga RM250 seutas. Pihak syarikat memerlukan modal tambahan sebanyak RM100 000 untuk pembelian mesin baharu dan pengubahsuaian kilang. Pihak syarikat telah menerima tawaran pinjaman daripada dua buah sumber pembiayaan luaran. Maklumat tawaran pinjaman daripada kedua – dua buah sumber pembiayaan tersebut adalah seperti berikut:

<b>Butiran</b>	<b>Agensi AA</b>	<b>Bank MM</b>
Jumlah pinjaman	RM100 000	RM100 000
Faedah pinjaman (setahun)	5.5% (Kadar tetap)	4.9% (Kadar berubah)
Tempoh pinjaman (tahun)	5	7
Cagaran	Tiada	Ada

Gelang kesihatan keluarannya dipasarkan di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Selain itu, syarikat juga menerima tempahan gelang kesihatan sebanyak 6 000 pasang daripada Syarikat Mawar Sdn Bhd. Syarikat Mawar memberi tempoh sebulan untuk syarikat menyiapkan tempahan gelang kesihatan itu. Justeru semua pekerja di bahagian pengeluaran diarahkan untuk bekerja lebih masa dan permohonan cuti dibekukan. Pengurus pengeluaran dikehendaki mengeluarkan notis berkenaan dan tiada seorang pun pekerja di bahagian pengeluaran dibenarkan bercuti dalam tempoh tersebut.

Pihak pengurusan syarikat meminta pengurus kewangan membuat analisis Titik Pulang Modal (TPM) bagi membantu pihak pengurusan syarikat membuat perancangan untuk mengembangkan perniagaan mereka. Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran kasut tersebut.

Kos Berubah seutas gelang	: RM170
Kos Tetap	: RM100 000

Pengurus pemasaran mendapati harga gelang kesihatan tersebut lebih tinggi berbanding dengan harga gelang kesihatan yang dikeluarkan oleh syarikat pesaing di pasaran. Beliau mencadangkan agar harga gelang tersebut diurangkan tetapi tidak dipersetujui oleh pengurus kewangan.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Cadangkan sumber pembiayaan yang patut dipilih oleh Syarikat Gemerlap Sdn. Bhd..  
Kemukakan alasan anda. [5 markah]
- (b) Jelaskan gaya pengurusan pihak pengurusan Syarikat Gemerlap Sdn. Bhd.. [4 markah]

SULIT

- (c) (i) Hitung kuantiti minimum kasut yang perlu dihasilkan oleh syarikat tersebut dalam situasi Titik Pulang Modal. [2 markah]
- (ii) Lakarkan graf Titik Pulang Modal berkenaan. [3 markah]
- (iii) Dengan menggunakan graf yang sama, lorekkan kawasan keuntungan sekiranya syarikat ingin mengeluarkan kasut kesihatan sebanyak 110 unit melebihi Titik Pulang Modal [2 markah]
- (d) Pada pendapat anda, mengapakah pengurus kewangan tidak bersetuju dengan cadangan pengurus pemasaran? [4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT.**